



Tarikh : 2 Ogos 2017

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 40/2017-PENCALONAN ANUGERAH MAAL HIJRAH PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 1439H/2017M**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1439H/2017 pada 1 Muharram 1439H / 22 September 2017. Sehubungan itu, jabatan ini mengalu-alukan pencalonan daripada pihak YBhg Datuk / Dato' / Tuan / Puan bagi Anugerah Maal Hijrah sempena Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1439H / 2017M. Bersama-sama ini disertakan borang pencalonan dan maklumat yang berkaitan untuk tindakan pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan.
3. Borang yang telah lengkap perlu dihantar kepada Pejabat Pendaftar, Aras 5, Bangunan Canselori sebelum atau pada 17 Ogos 2017 (Khamis) jam 5.00 petang.
4. Kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/ Dato' / Tuan / Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

***PROFESOR DATO' DR. ABD AZIZ TAJUDDIN***  
***Pendaftar***

## GARIS PANDUAN PENCALONAN ANUGERAH MAAL HIJRAH 1439H / 2017M

1. Kategori Anugerah Maal Hijrah 1439H/2017M Peringkat Negeri Pulau Pinang:
  - i. Anugerah Tokoh Maal Hijrah
  - ii. Anugerah Ibu Mithali
  - iii. Anugerah Bapa Mithali
  - iv. Anugerah Saudara Mithali
  - v. Anugerah Pendakwah Negeri
2. Calon mestilah warganegara Malaysia, berasal dari Pulau Pinang atau pernah berkhimat / menyumbang di Pulau Pinang dan terbuka kepada semua peringkat agama.
3. Setiap calon hendaklah memenuhi kriteria berikut :

Kriteria umum

  - i. Tugas / sumbangan yang mencabar atau berisiko tinggi atau inovatif ;dan / atau
  - ii. Tugas dan / atau sumbangan yang memberi kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat dan Negeri; atau
  - iii. Mempunyai akhlak, personaliti dan penampilan peribadi unggul serta boleh dijadikan tauladan dalam masyarakat; atau
  - iv. Ketokohan dan kewibawaannya mendapat pengiktirafan sama ada di peringkat negeri, negara mahupun antarabangsa.

Kriteria Khusus

  - i. Tempoh perkhidmatan atau sumbangan.
  - ii. Kualiti peribadi / akhlak.
  - iii. Rekod atau peristiwa yang mencabar.
  - iv. Anugerah lain yang pernah diterima (jika ada).
  - v. **Anugerah Ibu Mithali** : Sumbangan dalam kejayaan mendidik anak-anak menerusi institusi kekeluargaan. Keutamaan kepada yang mempunyai 5 orang anak dan ke atas.
  - vi. **Anugerah Bapa Mithali** : Sumbangan dalam kejayaan mendidik anak-anak menerusi institusi kekeluargaan. Keutamaan kepada yang mempunyai 5 orang anak dan ke atas.
  - vii. **Anugerah Saudara Mithali** : Sumbangan dalam pendidikan/ kemasyarakatan dan sebagainya ( **Calon terdiri daripada golongan Muallaf** )
  - viii. **Anugerah Pendakwah Negeri** : Sumbangan dalam bidang dakwah termasuk peringkat Negeri / Negara / Antarabangsa
4. Setiap agensi boleh mengemukakan lebih daripada seorang calon sama ada lelaki atau wanita bagi setiap kategori.
5. Pencalonan mestilah menggunakan borang yang disediakan dan hendaklah sampai ke **Setiausaha JK Pemilihan Anugerah Maal Hijrah 1439H** sebelum atau pada **21 Ogos 2017 ( Isnin )** di alamat: Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Leboh Downing, 10300 George Town, Pulau Pinang.
6. Borang yang tidak lengkap tidak akan diberi pertimbangan.
7. Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad.
8. Hanya calon yang berjaya akan dihubungi oleh pihak Urus setia.
9. Segala perbelanjaan perjalanan dan sebagainya adalah tanggungan sendiri.
10. Sebarang pertanyaan sila hubungi Urus Setia Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Maal Hijrah 1439H/2017M (Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang) di talian 04-2637200 / 04 2626816 / 019-4587575 ( Ustaz Abdul Rashid bin Abd Jalil / Pn. Salmah bt Ahmad)



**BORANG PENCALONAN ANUGERAH MAAL HIJRAH  
SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH  
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 1439H / 2017M**

**KATEGORI**  
(sila tanda kategori)

- Anugerah Tokoh Maal Hijrah
- Anugerah Ibu Mithali
- Anugerah Bapa Mithali
- Anugerah Saudara Mithali
- Anugerah Pendakwah Negeri

**A-MAKLUMAT PERIBADI**

1. Nama
2. Jantina  L-Lelaki  P-Perempuan      3. No.KP (Baru) 



  
No.KP(Lama)
4. Tarikh Lahir 



 (DD/MM/YYYY)
5. Tempat lahir
6. Bangsa  M-Melayu  C-Cina  I-India  L-lain-lain      7. Agama  I-Islam  K-Kristian  H-Hindu  L-Lain-lain  B-Budha

**B-PERKHIDMATAN**

1. Jawatan 



      2. Gred
3. Klisifikasi Jawatan  K-Kerajaan  S-Swasta  A-Anggota Uniform  U-IPTA/IPTS  
 I-Individu
4. Ringkasan Tugas Utama  
a. \_\_\_\_\_  
b. \_\_\_\_\_  
c. \_\_\_\_\_  
d. \_\_\_\_\_
5. Tempoh Berkhidmat 



 Tahun
6. Alamat Pejabat
7. Alamat Rumah
8. Telefon (Pejabat) 



      Samb.
9. Telefon (Rumah)



**E- ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN**

Anugerah /  
Pengiktirafan

- a. \_\_\_\_\_
- b. \_\_\_\_\_
- c. \_\_\_\_\_
- d. \_\_\_\_\_
- e. \_\_\_\_\_
- f. \_\_\_\_\_

*( Sila sertakan sijil/dokumen yang berkaitan )*

**F- PENGAKUAN CALON**

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.  
Sebarang maklumat yang tidak benar menyebabkan pencalonan saya ditolak.

Tanda Tangan  
Nama Calon  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**G-PENGESAHAN KETUA JABATAN / PEGAWAI TADBIR AGAMA DAERAH :**

Permohonan calon ini untuk anugerah disokong / tidak disokong\*  
*( Potong yang mana tidak berkenaan )*

Ulasan

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tanda Tangan  
Nama  
Tarikh  
Cop Jawatan

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_